

06/05/2001

Gaji tentera tidak dibayar mengikut kaum

Norazmi Abdul Talib

MELAKA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak boleh menawarkan gaji berbeza mengikut kaum jika hendak menarik minat lebih ramai bukan Bumiputera menyertai angkatan bersenjata atas alasan mereka tidak berminat kerana gaji yang ditawarkan kecil.

Di negara lain, kata Perdana Menteri, ada rakyat dipaksa menyertai pasukan pertahanan melalui perkhidmatan negara (nasional service) apabila genap umur yang ditetapkan tanpa mempedulikan sama ada sedang masuk universiti atau mendapat peluang perniagaan lebih baik.

"Kita boleh juga mengadakan perkhidmatan begini bagi kaum lain yang tidak menyertai kerana bilangan Bumiputera sudah cukup. Jika semata-mata hendak melaksanakan begitu, ia menyusahkan kerana kedudukan pasukan angkatan bersenjata negara mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Perhimpunan Perdana Warga Gerak Khas di Kem Sungai Udang dekat sini, semalam.

Di majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan beret hijau kehormat anggota Rejimen Gerak Khas yang dipakaikan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Md Hashim Hussein.

Turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak serta timbalannya, Datuk Shafie Apdal; Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin serta Pengerusi Rejimen Gerak Khas, Brigadier Jeneral, Ahmad Rodi Zakaria.

Perdana Menteri mahu rakyat bukan Bumiputera mempunyai semangat patriotisme dan nasionalisme dengan menyertai angkatan bersenjata bagi mempertahankan kedaulatan serta kemerdekaan negara.

Dr Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka perlu berminat menyertai angkatan bersenjata di semua peringkat dan tidak sebagai pegawai saja tetapi lain-lain pangkat juga.

Katanya, mereka perlu menganggap ini negara mereka serta berhak dalam negara dan mesti sanggup mempertahankannya seperti juga orang lain masuk tentera, sanggup mengorbankan nyawa kerana ini negaranya.

"Saya fikir bukan Bumiputera harus mempunyai pendirian sama, jika hendak menikmati kehidupan baik dalam negara ini, mesti sanggup mempertahankannya," katanya.

Mengenai elaun kepada anggota tentera yang menerima Pingat Gagah Berani (PGB), Dr Mahathir berkata, perkara itu sedang ditimbang kerana kerajaan hendak berlaku adil kepada semua pihak.

"Ada cukup asas, kita tidak teragak-agak akan beri elaun yang berpatutan.

"Kita kena timbang, saya tidak berhak hendak membuat keputusan, kena timbang ikut prosedur biasa," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri bangga negara masih boleh mengharap kepada rakyat sendiri untuk menyertai pasukan tentera dan menjadi anggota tentera atas pilihan mereka sendiri dan bukannya secara paksaan.

Oleh itu, tegasnya, Malaysia tidak memerlukan perkhidmatan negara kerana rakyat bersedia memikul senjata mempertahankan negara walaupun dalam proses itu menghadapi bahaya besar, bahkan kehilangan nyawa.

"Selagi semangat ini, ada pada kita, saya yakin, negara kita dapat dipertahankan.

"Janganlah hendaknya, rakyat kita menunggu sehingga dipaksa, baru sanggup sertai pasukan pertahanan tetapi tidak mempunyai semangat seperti

yang menyertainya secara sukarela untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara" katanya.

Menurutnya, Malaysia bertuah kerana rakyat masih sayangkan negara dan sanggup korbakan nyawa kerana negara.

"Inilah semangat yang menjamin negara terus merdeka serta bebas dan dihormati di seluruh dunia," katanya.

(END)